



Bank Pilihan Anda

SOALAN LAZIM
KEMPEN “i-MERCHANTRAKYAT TAP DAN MENANG”
KATEGORI A (PEDAGANG)

1. Apakah itu kempen i-MerchantRakyat Tap dan Menang?

Kempen ini merupakan satu kempen khas untuk pedagang Bank Rakyat yang mempunyai aplikasi i-MerchantRakyat Tap on Phone.

2. Bilakah kempen ini akan berlangsung?

Kempen ini berlangsung dari 15 Februari 2025 hingga 31 Disember 2025.

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pedagang Bank Rakyat yang berada di lokasi yang disenaraikan di Lampiran 1 dan menggunakan aplikasi i-MerchantRakyat Tap on Phone bagi penerimaan pembayaran melalui Kad Debit-i oleh pelanggan.

4. Apakah insentif/hadiah yang ditawarkan menerusi kempen ini?

Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah
A1: Insentif Pendaftaran Pedagang	<u>Insentif Tunai</u> RM10 X 450 Pedagang <u>Insentif Khas Raya</u> RM50 X 100 Pedagang
A2: Insentif Pengaktifan Pedagang	<u>Insentif Tunai</u> RM50 X 450 Pedagang
A3: Hadiah Utama untuk 26 Pedagang bagi bilangan transaksi tertinggi.	<u>Hadiah Utama</u> RM10,000 X 1 Pemenang <u>Hadiah Sagu Hati</u> RM 500 X 25 Pemenang

5. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan untuk kempen ini?

Pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

Kategori	Kelayakan
<u>A1: Insentif Pendaftaran Pedagang</u>	<ul style="list-style-type: none">• RM10 akan diberikan kepada setiap pedagang yang berjaya didaftarkan selepas melengkapkan proses pendaftaran dan mengaktifkan akaun.• Insentif tunai ini hanya terhad kepada 450 pedagang pertama sahaja.• Setiap pedagang hanya layak untuk menerima insentif sekali sahaja dalam



Bank Pilihan Anda

	<p>kategori A1 sepanjang tempoh kempen berjalan.</p> <ul style="list-style-type: none">• Insentif tunai tambahan sebanyak RM50 (Insentif Khas Raya) akan diberikan kepada 100 pedagang pertama yang mendaftar pada bulan Februari dan Mac.• Insentif tunai ini hanya layak bagi lantikan pedagang baharu sahaja.
A2: Insentif pengaktifan pedagang	<ul style="list-style-type: none">• Pedagang yang menerima pembayaran Kad Debit-i minimum RM5 dalam satu transaksi daripada pelanggan melalui i-MerchantRakyat Tap on Phone sekurang-kurangnya 10 transaksi selepas pengaktifan bagi dua bulan berturut-turut akan layak menerima insentif sebanyak RM50 untuk setiap akaun pedagang yang berdaftar.• Insentif ini hanya terhad kepada 450 pedagang pertama sahaja.• Setiap pedagang hanya layak untuk menuntut insentif bagi kategori A2 sekali sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung.• Insentif tunai ini hanya layak bagi lantikan pedagang baharu sahaja.
A3: Hadiah Utama untuk 26 pedagang bagi bilangan transaksi tertinggi.	<ul style="list-style-type: none">• Pedagang yang mempunyai jumlah transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen akan dipilih sebagai pemenang hadiah utama, dengan syarat kelayakan minimum 600 transaksi sepanjang tempoh kempen berlangsung.• Selebihnya bagi 25 pedagang yang mempunyai jumlah transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen akan dipilih sebagai pemenang hadiah sagu hati.• Jika dua atau lebih pedagang mempunyai jumlah transaksi yang sama, pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah jualan MyDebit tertinggi (RM) sepanjang tempoh kempen.• Bagi hadiah utama, jika jumlah transaksi minimum sebanyak 600 tidak tercapai pada akhir kempen, hadiah utama tidak akan diberikan. Hanya hadiah sagu hati



Bank Pilihan Anda

	akan diberikan kepada pedagang yang layak.
--	--

6. Bagaimakah cara pemberian hadiah kepada pemenang?

Bank Rakyat akan mengkreditkan ganjaran tunai ke dalam Akaun Semasa-i Elektronik pemenang.

7. Bilakah pengumuman pemenang akan dibuat?

Pemenang kempen bagi kategori A1 dan A2 akan diumumkan dalam masa empat (4) minggu selepas setiap suku tahun berakhir dan bagi kategori A3 pemenang akan diumumkan dalam masa empat (4) minggu selepas kempen berakhir.

8. Adakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini boleh dipindah milik kepada pihak ketiga?

Tidak boleh.

9. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- a) Laman Sesawang Bank Rakyat www.bankrakyat.com.my
- b) Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1 300 80 5454
- c) Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- d) Laman sosial Bank Rakyat (Instagram/Facebook).

Soalan lazim ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat kempen serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.